



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN FOOD BANK SISWA  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)**

**PADA**

**15 SEPTEMBER 2019 (AHAD)**

**TEMPAT**

**EDC HOTELS & RESORTS SINTOK  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Mengadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,

Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan  
Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman

Ampun Tuanku beribu ampun,

Sembah patik mohon diampun,

Patik merafak sembah menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah berangkat mencemar duli ke majlis ini dan seterusnya menyempurnakan **Majlis Pelancaran Program Food Bank Siswa di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah.**

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke majlis ini memberikan satu isyarat jelas keprihatinan dan sokongan daripada institusi diraja ke atas program ini. Patik serta seluruh warga kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sangat menyanjung tinggi dan menghargainya.

Patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mengalu-alukan kehadiran tetamu jemputan dan seterusnya menyampaikan ucapan di majlis pada pagi ini.

Ampun tuanku,

Yang Berhormat Dr. Salmee Binti Said, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri wakil kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman

Yang Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bin Kasim, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah,

Yang Berhormat Dato' Haji Isahak Bin Murat, Pegawai Kewangan Negeri Kedah wakil kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah ;

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah;

Yang Berhormat Dato' Wira Ir. Haji Amiruddin Haji Hamzah Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Kubang Pasu dan Yang Berbahagia Datin Nora Mohamed Noor;

Pegawai-Pegawai Kanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pegawai-Pegawai Kanan, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

## ALUAN

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
sembah patik mohon diampun,**

1. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertujuan untuk **membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan menyelamatkan lebih makanan.** Kementerian ini telah melaksanakan program perintis pertama di Pulau Pinang pada Ogos 2018. Kejayaan program perintis ini telah dijadikan sebagai penanda aras untuk dilaksanakan ke beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Melaka, Johor, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.
2. Patik mohon menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa program ini telah secara rasminya dilancarkan di Peringkat Kebangsaan pada **22 Disember 2018** di Kompleks Penyayang, Pulau Pinang. Sehingga **Ogos 2019**, seramai **275,497 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program ini. Secara tidak langsung, Program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak **1,687 metrik**

**tan lebih makanan.** Program ini adalah merupakan **satu program yang berterusan** dan bukan bersifat sementara (ad hoc) dan hanya dijalankan sekali sahaja.

3. Susulan **Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)** pada 15 Februari 2019, Kerajaan juga telah memutuskan untuk **meluaskan Program Food Bank Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian ini ke seluruh institusi pengajian tinggi.**
4. Program yang sedang dijalankan di universiti-universiti awam ini merupakan inisiatif membantu mahasiswa yang memerlukan di samping membantu menangani isu kos sara hidup. Sasaran Kementerian adalah untuk **meluaskan program Food Bank Siswa ke 20 buah Universiti Awam di seluruh Malaysia menjelang penghujung tahun 2019.**
5. Kementerian melalui Yayasan Food Bank Malaysia telah mengambil inisiatif untuk **menghubungkan pihak industri** yang terlibat bukan sahaja pasaraya-pasaraya malah pengeluar produk makanan, restoran dan hotel dengan penggerak yang terlibat dalam membantu menyalurkan bantuan makanan kepada pihak Universiti.
6. Kementerian sedia maklum dan mengalu-alukan segala inisiatif yang telah diambil oleh pihak pengurusan IPTA

dalam menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan bantuan dan ingin membantu dalam melancarkan lagi pelaksanaannya dengan memperkenalkan Food Bank Siswa melalui **dua kaedah** iaitu:

- **Food Pantry:** penyimpanan barang makanan kering di satu bilik yang sesuai dan diuruskan oleh Persatuan Mahasiswa yang ditugaskan. Mahasiswa yang layak menerima bantuan Food Bank Siswa ini boleh mengambil makanan yang akan diagihkan mengikut jadual yang ditetapkan.
  - **Central Kitchen:** sumbangan makanan yang boleh dimasak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan akan dimasak dan diberikan kepada mahasiswa yang layak menerima bantuan Food Bank Siswa.
7. Inisiatif Food Bank Siswa ini berkonsepkan “**Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa**” di mana kita mengalukan mahasiswa yang ingin terlibat dalam melaksanakan Food Bank Siswa ini terutamanya dari **Persatuan-Persatuan Mahasiswa untuk sama-sama membantu golongan mahasiswa yang memerlukan**. Sehingga Julai

2019, sebanyak **3,820 mahasiswa** telah menerima manfaat daripada program ini.

8. Selain memastikan golongan mahasiswa yang merupakan pelapis negara dapat menimba lebih banyak pengalaman dalam pelaksanaan program kebajikan, ia juga **memupuk semangat sukarelawan** di samping dapat **bergiat aktif di dalam aktiviti yang dijalankan di Universiti**.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

9. **UUM ini adalah Universiti ke-13** sejak Program Food Bank Siswa ini dilancarkan. Sebagai permulaan pelaksanaan Program Food Bank Siswa di UUM ini, seramai **300 orang siswa** dari UUM telah dikenalpasti dan layak menerima bantuan daripada program ini.
10. Patik juga berbesar hati dengan penyertaan pihak **AEON BiG (M) Sdn. Bhd., Econsave Cash & Carry Sdn Bhd., 99 Speedmart Sdn. Bhd., Hasani Group of Companies, Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd., Unic Group of Companies dan Legasi Z Sufi Marketing** yang terlibat sebagai rakan penaja bagi program ini.



11. Patik mohon menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Program Food Bank Siswa UUM ini akan digerakkan oleh **Sukarelawan Mahasiswa** iaitu seramai 30 orang daripada 15 Inapan Siswa dan ianya adalah berkonsepkan ***Food Pantry***.
12. Pada hari ini juga turut diadakan **Sesi Penyerahan Zakat kepada 400 orang siswa asnaf UUM** yang telah disumbangkan oleh **Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Perbadanan Harta Intelek (MyIPO)**.
13. Patik berharap agar Program Food Bank Siswa UUM ini **berjaya dilaksanakan secara berterusan dan mendapat kerjasama yang tidak berbelah bahagi oleh setiap pihak yang terlibat**. KPDNHEP bersedia untuk menerima apa-apa cadangan dan maklum balas agar sistem penyampaian bagi program ini dapat berjalan dengan lebih lancar.
14. Di kesempatan ini patik merafak sembah mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi patik mengalu-alukan dan merakamkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada tetamu yang hadir

pada petang ini, dan kepada semua pihak yang terlibat dan bekerjasama untuk program ini. Patik berharap program ini akan dapat dijayakan dengan cemerlang dan berterusan sebagai inisiatif membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja persembahan ucapan patik.

Patik-patik sekalian mengambil kesempatan disini mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah akan senantiasa dirahmati Allah SWT dengan dikurniakan kesihatan yang baik serta keberkatan dan kekuatan untuk terus bersemayam di atas singgahsana pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kemuliaan hendakNya.

Ampun Tuanku.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.

**Nota tambahan:**

Senarai Universiti yang telah melancarkan Program Food Bank Siswa:

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras;
2. Universiti Malaya (UM);
3. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang;
4. Universiti Putra Malaysia (UPM);
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai;
6. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
7. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur;
8. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS);
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);
11. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM); dan
12. Universiti Sains Malaysia (USM).